



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

FAKULTI UNDANG-UNDANG
PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA UNDANG-UNDANG DENGAN KEPUJIAN

UUUK6415 – UNDANG-UNDANG FORENSIK (FORENSIC LAW)	SEMESTER 2	SESI 2017/2018
Pensyarah / Lecturer : DR. RAMALINGGAM RAJAMANICKAM (PENYELARAS / COORDINATOR) rama@ukm.edu.my	Status Kursus / Course status : PILIHAN FAKULTI/ FACULTY OPTIONAL	Jam Kredit / Credit Hours : 5 JAM / 5HOURS
	Tempat / Venue : BILIK SEMINAR, BANGUNAN LAMA	Masa / Time : RABU : 6.00 PETANG – 11.00 MALAM
	Semester ditawarkan / Semester offered: SEMESTER 2 / 2nd SEMESTER	

(1) Sinopsis:

Kursus Undang-undang Forensik membincangkan peranan bidang sains forensik dalam penyiasatan dan penyelesaian sesuatu kes khususnya kes jenayah. Kursus ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama. Bahagian pertama menyentuh sejarah perkembangan sains forensik serta beberapa cabang sains forensik, peranan dan batasannya dalam membantu siasatan. Dalam bahagian ini juga, siasatan tempat kejadian jenayah dan pengumpulan keterangan fizikal akan dibincangkan. Seterusnya, bahagian kedua pula memfokuskan analisis sampel fizikal di dalam makmal oleh saintis forensik. Akhir sekali, bahagian ketiga memfokuskan kepada undang-undang berkaitan forensik, pengemukaan keterangan forensik di mahkamah Malaysia dan beberapa bidang kuasa lain serta penilaian keterangan forensik di mahkamah. Menerusi kursus ini, pelajar boleh memahami bidang sains forensik secara rinci dan meneliti aspek pengemukaan dan penilaian keterangan forensik di mahkamah.

(2) Prakeperluan (jika ada):

Tiada

(3) Keperluan Kursus:

Pelajar perlu memenuhi 70% kehadiran untuk melayakkan pelajar menduduki peperiksaan akhir.

(4) Rujukan:

Peter C. White et. al, 2016, *Crime Scene to Court : The Essentials of Forensic Science*, United Kingdom: Royal Society of Chemistry.

Richard Saferstein, 2014, *Criminalistics: An Introduction to Forensic Science*, Ed. ke-11, United Kingdom: Pearson Education Limited.

Max M. Houck & Jay A. Siegel, 2015, *Fundamentals of Forensic Science*, Ed. ke-3, United States: Elsevier Science Publishing Co Inc.

C. Michael Bowers, 2013, *Forensic Testimony: Science, Law and Expert Evidence*, United States: Elsevier Science Publishing Co Inc.

Kevin Strom & Matthew Hickman, 2014, *Forensic Science and the Administration of Justice: Critical Issues and Directions*, United States: SAGE Publications Inc.

(5) Senarai Hasil Pembelajaran Kursus/Course Learning Outcomes List

- HPK 1: Berkebolehan untuk Menganalisis peranan, batasan dan cabaran bidang sains forensik dalam penyiasatan sesuatu kes di samping menilai undang-undang yang berkaitan dengannya.
Ability to analyse the role, limitations and challenges of forensic science field in an investigation of a case as well as assessing the laws in relation thereto
- HPK 2: Berkebolehan untuk merungkai isu dan permasalahan dalam undang-undang berkaitan sains forensik.
Ability to unravel the issues and problems in the law relating to forensic science
- HPK 3: Berkebolehan untuk mengaitkan isu dan permasalahan dalam undang-undang berkaitan sains forensik dengan sistem keadilan jenayah.
Ability to relate the issues and problems in the law relating to forensic science with the criminal justice system
- HPK 4: Berkebolehan untuk mencadangkan penambahbaikan kepada undang-undang berkaitan sains forensik selaras dengan perkembangan semasa.
Ability to suggest improvements to the relating to forensic science in line with current development

(6) Rancangan Mengajar

[illegible]

(6) Pelan Pentaksiran:

Bil.	HASIL PEMBELAJARAN KURSUS (HPK) Pada akhir kursus ini, pelajar seharusnya berkebolehan untuk:	TAKSONOMI	INDIKATOR	HPP/ KKM	Kaedah penyampaian	KOMPONEN PENTAKSIRAN		
						Pembentangan	Kertas Penyelidikan	Ujian
1	Menganalisis peranan, batasan dan cabaran bidang sains forensik dalam penyiasatan sesuatu kes di samping menilai undang-undang yang berkaitan dengannya.	C4	• Menilai kekuatan dan kelemahan cabang-cabang sains forensik dalam siasatan. • Menilai undang-undang yang berkaitan bidang sains forensik.	HPP1/ KKM 1	Kuliah interaktif/ perbincangan/ perundingan	20		20
2	Merungkai isu dan permasalahan dalam undang-undang berkaitan sains forensik.	P5	• Mengkaji isu dan permasalahan yang relevan. • Melaksanakan kajian perbandingan dengan bidang kuasa yang relevan.	HPP4/ KKM 2	Perbincangan/ perundingan	10	10	

3	Mengaitkan isu dan permasalahan dalam undang-undang berkaitan sains forensik dengan sistem keadilan jenayah.	A5	• Menghubung kait isu yang berlaku dalam bidang sains forensik dengan meneliti kesannya kepada sistem keadilan jenayah.	HPP4/ KKM6	Perbincangan/ perundingan	5	15	
4	Mencadangkan penambahbaikan kepada undang-undang berkaitan sains forensik selaras dengan perkembangan semasa.	C5	• Mengemukakan cadangan, syor atau penambahbaikan untuk menyelesaikan isu dan permasalahan yang timbul berlandaskan autoriti yang relevan.	HPP3/ KKM6	Perbincangan/ perundingan	5	15	
JUMLAH/TOTAL						40	40	20

